

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD

[PARIT SULONG – BN]

TARIKH : 28 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN (NO. 25)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan peranan yang boleh dimainkan oleh setiap pihak dalam program FitMalaysia dan peranan yang akan dimainkan oleh Kementerian agar ia boleh menjadi budaya dan aktiviti yang berterusan dalam masyarakat di negara kita agar kita boleh menjadi "Sporting Nation".

JAWAPAN

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FitMalaysia adalah satu gerakan yang dilancarkan oleh kementerian ini. Semua pihak memainkan peranan yang penting bagi memastikan matlamat untuk menjadi sebuah Negara Bersukan tercapai. Agensi kerajaan dan swasta digalakkan untuk menganjurkan program sukan dan Kecergasan dengan menggunakan jenama FitMalaysia.

2. Penglibatan secara aktif daripada semua lapisan masyarakat, sokongan dan penglibatan seluruh agensi kerajaan dan swasta serta liputan pihak media secara besar-besaran untuk sebaran maklumat positif gerakan FitMalaysia kepada seluruh rakyat Malaysia.

3. Di samping itu, komuniti dan orang perseorangan perlu melibatkan diri secara aktif dan berterusan dalam aktiviti Kecergasan. Kementerian telah merangka gerak kerja bagi tahun 2014-2015 seperti berikut:
 - i. Membina jenama FitMalaysia
 - ii. Pelancaran Kebangsaan
 - iii. Pelaksanaan FitMalaysia di peringkat negeri
 - iv. Forum Fit Malaysia
 - v. Polisi untuk mengatasi halangan
 - vi. Rangkaian online FitMalaysia
 - vii. Penggunaan menyeluruh jenama FitMalaysia

SULIT

4. Kempen ini merentasi kaum, umur, jantina, agama, keadaan fizikal serta parti politik. Seluruh rakyat Malaysia termasuk Ahli Parlimen digalakkan untuk menyokong gerakan ini melalui penglibatan secara aktif dalam aktiviti sukan dan kecergasan kerana ia dapat memberi manfaat kepada kesihatan individu dan komuniti.

Sekian, terima kasih.